



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**12 Mac 2023  
19 Sya'ban 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	•
Berita Harian	•
Harian Metro	• Biak ikan Koi secara aruhan
Kosmo !	• Pengusaha ikan kering terkesan, hasil laut berkurang
Sinar Harian	•
The Star (Sunday Star)	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
Harakah	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•



UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		36	12/3/23

# BIAK IKAN KOI SECARA ARUHAN

NBC berfungsi bangunkan baka terpilih khususnya bebas penyakit KHV dan SVC

## AGRO

Teks dan gambar Abnor Hamizam Abd Manap  
rencana@hmetro.com.my

Ikan koi atau nama saintifiknya *Cyprinus Carpio* antara ikan hiasan yang menjadi pilihan untuk dibela sama ada di dalam kolam atau akuarium berikutan rupanya yang cantik.

Malah ikan yang berasal daripada keluarga ikan kap dan banyak ditemui di bahagian Tengah Eropah dan Asia ini dipercayai mula dipelihara kebanyakan petani di Jepun sekitar 1700 an.

Menariknya, ia antara ikan yang jinak dan mudah mesra dengan manusia, malah ikan ini boleh makan makanan yang diletak di tangan menyebabkan ia menjadi pilihan untuk dibela.

Namun tidak ramai yang tahu di negara kita terdapat Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Glami Lemi iaitu agensi di bawah Jabatan Perikanan yang turut menjalankan penyelidikan ikan koi.

FRI Glami Lemi memulakan penyelidikan ikan koi sejak 2014 dan ketika itu mengimport 20 ekor ikan berkenaan dari



BAKA ikan koi yang dipelihara didalam tangki sebelum dijadikan induk bagi pembiakan menerusi kaedah aruhan.

Jepun yang sememangnya terkenal dengan pelbagai varieti ikan koi.

Pegawai Penyelidik Dr Chew Poh Chiang berkata, pada 2015 FRI Glami Lemi berjaya melakukan pembiakan ikan koi secara aruhan iaitu satu kaedah merangsang kematangan induk ikan untuk membiak pada masa yang ditetapkan.

Katanya pembiakan ikan melalui teknik aruhan dapat mempercepatkan proses kematangan dan ovulasi telur, meningkatkan kadar hidup anak ikan

dan mempercepatkan pengeluaran benih ikan secara besar-besaran.

"Teknik aruhan antara kaedah paling mudah dan semua aktiviti pembiakan dijalankan di Pusat Pembiakan Nukleus (NBC) FRI Glami Lemi iaitu antara satu-satunya yang ada di Malaysia bagi menjalankan aktiviti pembiakan ikan koi.

"NBC berfungsi membangunkan baka ikan koi terpilih, khususnya bebas penyakit Koi Herpes Virus (KHV) dan Spring

Viraemia of Carp Virus (SVC).

Poh Chiang berkata, NBC juga berperanan mengagihkan baka ikan koi terpilih yang dihasilkan kepada pengusaha koi yang memiliki ladang bertaraf MyGap/FQC dan sebagai pusat rujukan nasional bagi baka bebas penyakit KHV dan SVC.

Katanya, industri eksport ikan koi Malaysia pernah menerima tamparan besar dan menjadi lumpuh apabila negara ini disenaraikan



TANGKI pengermanan dan penetapan telur ikan koi.

sebagai negara larangan eksport ikan koi ke negara Kesatuan Eropah pada 2008 berikutan ikan berkenaan dikesan dijangkiti KHV.

Menurutnya antara usaha dilakukan Jabatan Perikanan untuk memulihkan industri berkenaan dengan pembukaan NBC koi bebas penyakit di FRI Glami Lemi pada 2015.

Jelasnya program pembenihan secara berkala (kaedah) aruhan, penyediaan pelan bioskuriti, prosedur operasi standard (SOP), permohonan pendaftaran hateri NBC dan permohonan akreditasi pensijilan Malaysian Good Agricultural Practise and Fish Quality Certification (MyGap/FQC) sudah dilaksanakan pada 2016.

"Di sini kakitangan akan melakukan pemantauan rapi kualiti tangki air ternakan koi yang sangat diambil berat dan kualiti air setiap dipantau dan diganti apabila mencapai tahap optimum untuk ikan koi.

"Pemeliharaan induk ikan, pembenihan, asuhan, pemilhan baka dan pembungkusan dijalankan seratus peratus di NBC koi FRI Glami Lemi," katanya.

Poh Chiang berkata, antara varieti ikan koi yang ada di NBC FRI Glami Lemi adalah Kohaku, Showa, Utsuri, Doitsu dan Shusui.

Katanya sejak beroperasi puluhan ribu benih ikan koi sudah diserahkan kepada pengusaha swasta yang layak untuk dibiakkan dan kelazimannya pihak jabatan akan melihat fasiliti sebelum benih ikan diberi



Semua aktiviti pembiakan dijalankan di Pusat Pembiakan Nukleus (NBC) FRI Glami Lemi iaitu antara satu-satunya yang ada di Malaysia bagi menjalankan aktiviti pembiakan ikan koi

**POH CHIANG**

"Secara amnya ikan koi tidak rumit untuk diternak, namun ikan ini sensitif terhadap kebersihan air dan air perlu ditukar walaupun ia kelihatan bersih.

"Apabila kita melihat ikan antaranya berada di atas permukaan air, berkumpul di tempat air masuk dan dalam keadaan tercampur-campur serta mengalami bengkak pada kulit dan insang serta kurang selera makan itu menandakan kualiti air yang sudah merosot dan perlu diganti," katanya.

Sudah semestinya kewujudan NBC FRI Glami Lemi akan menjadi tempat rujukan rasmi bagi pengusaha ikan koi sekali gus menubuhkan Malaysia menjadi pengeksport utama ikan koi di dunia.



POH Chiang (tengah) menunjukkan induk ikan koi yang dibela di FRI Glami Lemi.



UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			15	12/3/23

# Pengusaha ikan kering terkesan, hasil laut berkurang

KOSMO 12/3/23 MS1



SIAH menunjukkan ikan kering yang hampir sempurna dikeringkan

**KUALA PERLIS** - Ketiadaan bekalan hasil laut terutama ketika monsun timur laut bukan sahaja memberi kesan kepada nelayan bahkan turut meng-gusarkan pengusaha ikan kering di sekitar Kuala Sungai Baru, dekat sini.

Pengusaha ikan kering, Nor Aishah Dahari, 36, berkata, sebelum monsun timur laut melanda, bekalan ikan sangat banyak dan mampu memproses sehingga 400 kilogram (kg) ikan sehari dan lebih 5 tan sebulan.

"Kini apabila musim monsun timur laut, kami hanya peroleh bekalan ikan antara 30 hingga 40kg sehari. Hampir 90 peratus penurunan bekalan ikan segar daripada nelayan setempat," katanya ketika ditemui di Kampung Sungai Baharu di sini semalam.

Katanya, disebabkan beka-  
lan ikan segar seperti gelama

dan kembung tidak mencukupi, dia bersama suaminya terpaksa mencari bekalan sehingga ke Kuala Kedah.

Buat masa ini mereka hanya memproses ikan kering daripada ikan duri dan kebas yang kadang kala terpaksa mendapatkan bekalan dari Kedah.

Kosmo! melaporkan keluhan nelayan yang mengalami penurunan hasil tangkapan ikan nelayan di perairan Kuala Perlis disebabkan monsun timur laut selain kerosakan ekosistem laut disebabkan penangkapan siput retak seribu.

Sementara itu, seorang lagi pengusaha ikan kering, Fitri MUSA, 36, berkata, pendapatan keluarganya menurun daripada RM1,000 kepada RM600 sebulan ekoran ketiadaan bekalan ikan segar.

"Kami mewarisi perniagaan

ini daripada arwah ayah yang mengusahakannya bersama ibu, Siah Dolah, 70, sejak lebih 50 tahun lalu dan kami bergantung sepenuhnya bekalan ikan daripada nelayan sekitar kawasan ini.

"Pendapatan kami bergantung kepada bekalan ikan dari perairan di sini dan ada nelayan memberitahu bahawa tangkapan semakin menurun disebabkan kerosakan dasar laut akibat aktiviti menangkap siput retak seribu yang mengakibatkan tanah menjadi lembut dan busuk," katanya yang juga pemegang kad orang kelainan upaya (OKU).

Dakwanya, komuniti nelayan turut memberitahu bahawa selain penangkapan siput retak seribu, kaedah tangkapan seperti menggunakan pukut rawa sorong turut memberi kesan kepada populasi hidupan marin di perairan Perlis yang terhad.